

Tiga jam kutip 751kg sampah

Libat 50 sukarelawan dari tiga kolej swasta di Lembah Klang

NUR FARHANA
ABDUL MANAN

KUALA SELANGOR

Sebanyak 751 kilogram (kg) sampah berjaya dikutip menerusi program pembersihan Pantai Jeram anjuran KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) di sini semalam.

Ketua Media dan Perhubungan Awam KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM), Mahfuzah Muhammad Tarmidi



Sampah yang berjaya dikumpul di Pantai Jeram semalam.

berkata, program dengan kerjasama Trash Hero Malaysia dan Reef Check Malaysia itu turut melibatkan 50 sukarelawan dari tiga kolej swasta sekitar Lembah Klang.

Menurutnya, program bermula jam 8.30 pagi bersempena Program World Cleanup Day 2019 diadakan serentak seluruh dunia berjaya mengumpulkan 84 plastik dipenuhi sampah.



Sampah dikumpul sebelum dibuang ke dalam tong RORO.

"Program World Cleanup ini diadakan bersempena Hari Pembersihan Pantai Sedunia yang jatuh pada tarikh yang sama pada tahun ini.

"Program ini memfo-

kuskan aktiviti kesedaran sivik yang bertujuan menangani masalah lambakan sisa pepejal di tempat awam dan rekreasi," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, Program World Cleanup Day tahun lalu menerima penyertaan dari 157 negara melibatkan seramai 18 juta sukarelawan.

Katanya, di Malaysia seramai 103,000 sukarelawan menyertai World Cleanup Day tahun lalu dan tahun ini penyertaan dianggarkan melebihi 250,000 sukarelawan.

"KDEBWM menyediakan tong roll off (RORO) di setiap lokasi terpilih termasuk di Pantai Jeram, Kuala Selangor, Pantai Acheh dan Pantai Tanjung Piai di Pulau Indah, Klang.

"Tong RORO ini bukan sahaja dapat memudahkan kerja kutipan sisa pepejal malah diharapkan dapat menampung kuantiti sisa pepejal terutamanya sampah pukat," katanya.